



### **KENYATAAN IKLAN PRA-KELAYAKAN**

1. Tender adalah dipelawa seperti yang berikut:-

<b>Tajuk / Butiran Tender</b>	<b>Kelayakan Pemohon / Petender</b>	<b>Harga Dokumen</b>	<b>Tarikh Tutup</b>
<p>Pra-Kelayakan Lantikan Kontraktor bagi Cadangan Membina 1 Blok Pangsapuri Kos Sederhana 25 Tingkat Yang Mengandungi 395 Unit Termasuk Podium Tempat Letak Kereta 5 Tingkat Berserta Kemudahan-Kemudahan, Di Atas Lot 10067 (PT 2997), Mukim 6, Jalan Permatang Pauh, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang</p> <p><b>No. Tender:</b> JKP/SPT/PERMATANGPAUH/PRA-KELAYAKAN/2023-001</p>	<p>a. Berdaftar dengan CIDB di bawah Gred Kerja G7, b. Mempunyai Sijil SPKK (jika ada), c. Pengkhususan Di Dalam Bidang B, CE dan ME, d. Mempunyai Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera yang Dikeluarkan oleh PKK (jika ada)</p>	<p><b>RM50.00</b> (Tidak akan dikembalikan)</p> <p>Boleh dibeli pada <b>12hb. Jun, 2023</b> hingga <b>26hb. Jun, 2023</b></p>	<p><b>27hb. Jun, 2023</b></p> <p>Dokumen yang diterima selepas 12:00 Tengahari tidak akan dipertimbangkan</p>

2. Dokumen tender boleh didapati di:-  
**JKP Sdn. Bhd.**  
**Tingkat 14, Bahagian Kontrak,**  
**No. 128, Menara JKP,**  
**Jalan Macalister 10400,**  
**Pulau Pinang.**
- Pada waktu berikut :-  
**Isnin – Khamis : 9 pagi hingga 1 petang**  
**2 petang hingga 4 petang**  
**Jumaat : 9 pagi hingga 12 tengahari**  
**3 petang hingga 4 petang**
3. Dokumen Meja Tender Pra-Kelayakan boleh disemak di Pejabat JKPSB, Tingkat 14, Bahagian Kontrak semasa waktu pejabat bermula pada **12hb. Jun, 2023** hingga **26hb. Jun, 2023**.
4. Petender / pemohon mesti membawa salinan **ASAL** dan **SESALINAN** surat **Pendaftaran CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (jika ada)** dan **Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera (STB) (jika ada)** yang masih dalam tempoh sah laku. Sesalinan adalah untuk simpanan Pejabat JKP Sdn. Bhd. bagi penjualan dokumen tender.
5. Bayaran pembelian dokumen tender pra-kelayakan hendaklah dibuat dalam bentuk *Money Order* atau Deraf Bank berpaling atas nama "**JKP Sdn. Bhd.**" Pembayaran secara wang tunai tidak akan diterima. Bayaran dokumen tender ini tidak akan dikembalikan kepada petender / pemohon.
6. Dokumen tender pra-kelayakan yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda Tajuk Tender serta No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Pejabat JKP Sdn. Bhd. pada tarikh dan waktu yang dinyatakan dalam jadual di atas.
7. Pihak JKP Sdn. Bhd. tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab penyerahan dokumen tender pra-kelayakan itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.